

**CABARAN DAN RESPON PEKERJA B40
DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19 DI KEDAI PAKAIAN KESANA
BELURAN, SABAH.**



**DIHASILKAN OLEH:
VALENTINA KAMUDIS
(BA19110739)**


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENYELIA:
PROF. MADYA DR. DZURIZAH IBRAHIM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN PELAJAR

Saya Valentina Kamudis memegang nombor matrik BA19110739, mengaku bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Keahlian Hubungan Industri yang bertajuk '*Cabaran Dan Respon Pekerja B40 Dalam Mendepani Pandemik COVID-19 Di Kedai Pakaian KESANA Beluran, Sabah*' adalah atas usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



Valen

(Valentina Kamudis)

BA19110739,

Program Hubungan Industri,

Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan,

Universiti Malaysia Sabah.

Tarikh: 20 Ogos 2022

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

Dengan ini, saya Prof. Madya Dr. Dzurizah Ibrahim yang merupakan pensyarah program Hubungan Industri dan selaku penyelia Latihan Ilmiah kepada pelajar bernama Valentina Kamudis ingin mengesahkan bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk '*Cabaran Dan Respon Pekerja B40 Dalam Mendepani Pandemik COVID-19 Di Kedai Pakaian KESANA Beluran, Sabah*' adalah dibuat oleh pelajar ini yang bertujuan untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah.



Disahkan oleh:

DZURIZAH

(Prof. Madya Dr. Dzurizah Ibrahim)

Penyelia Latihan Ilmiah,

Program Hubungan Industri,

Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan,

Universiti Malaysia Sabah.

Tarikh: 21 September 2022

PENGHARGAAN

Salam sejahtera, syukur kepada Tuhan kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr.Dzurizah Ibrahim atas segala dorongan, bantuan dan keprihatinan yang diberikan sepanjang tempoh menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Segala bimbingan, pendapat dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh penyelia amat membantu dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya, ribuan terima kasih turut diberikan kepada lima orang responden yang terlibat secara langsung atas kerjasama yang diberikan semasa sesi temu bual dijalankan.

Penghargaan yang tidak terhingga diucapkan terutama buat kedua ibu bapa, adik-beradik dan rakan-rakan yang telah banyak membantu dari sudut sokongan doa, moral dan bantuan kewangan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan-insan istimewa khususnya rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaysia Sabah iaitu Jovences, Nadira Affishah, Faiqah Firzanah, Roszainah, Nurzukhairiah dan Siti Sarah yang terlibat dalam kajian ini kerana memberi bantuan yang begitu bermakna bagi saya. Akhir kata, saya berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung sepanjang tempoh menjayakan Latihan Ilmiah ini.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN PELAJAR	I
PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH	II
PENGHARGAAN.....	III
BAB 1	1
Pengenalan Kajian.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.5.1 Objektif Umum	11
1.5.2 Objektif Khusus	12
1.6 Kepentingan Kajian.....	12
1.6.1 Kepentingan Dari Aspek Praktikal.....	12
1.6.2 Kepentingan Dari Aspek Akademik	15
1.7 Laporan Organisasi.....	16
1.8 Kesimpulan.....	17
BAB 2	18

SOROTAN KAJIAN	18
2.1 PENDAHULUAN	18
2.2 DEFINISI KONSEP	18
2.2.1 Konsep Cabaran	19
2.2.2 Konsep Respon.....	19
2.2.3 Konsep Pekerja B40	20
2.3 KAJIAN LEPAS.....	21
2.3.1 Cabaran Pekerja B40 Semasa Pandemik COVID-19	21
<i>2.3.1.1 Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah.</i>	21
<i>2.3.1.2 Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Golongan B40 (The Impacts of COVID-19 Pandemic Towards the B40's).....</i>	22
<i>2.3.1.3 Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Pendapatan Isi Rumah Golongan Berpendapatan Rendah B40 dan Kemudahan Asas.....</i>	22
<i>2.3.1.4 Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Golongan B40 dan Intensif Kerajaan Malaysia.....</i>	24
<i>2.3.1.5 Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah B40: Satu Kajian Rintis (The Impact of the COVID-19 Pandemic on The Economic Well-Being of B40 Households: A Pilot Study).....</i>	24
<i>2.3.1.6 Cabaran Golongan Berpendapatan Rendah B40 Dalam Mendepani Situasi Pandemik di Bandar Lembah Klang.....</i>	25
2.3.2 Respon Pekerja B40 Terhadap Cabaran Yang Dihadapi Semasa Pandemik COVID-19	26
<i>2.3.2.1 Memudahkan Komunikasi Dua Hala Dalam Pekerjaan.....</i>	27
<i>2.3.2.2 Memenuhi Keperluan Dan Kesesuaian Pekerjaan</i>	28
<i>2.3.2.4 Wujud Perasaan Kurang Puas Hati Dalam Kalangan Pekerja</i>	30
<i>2.3.2.5 Peningkatan Beban Kerja.....</i>	31
<i>2.3.2.6 Mempengaruhi Tahap Gangguan Emosi Pekerja</i>	32

2.4 KERANGKA KONSEPTUAL.....	33
2.5 KESIMPULAN	34
BAB 3	35
METODOLOGI KAJIAN	35
3.1 PENDAHULUAN	35
3.2 PENDEKATAN DAN REKA BENTUK KAJIAN.....	36
3.3 PERSAMPELAN.....	40
3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA	42
3.4.1 Pengumpulan Data Primer.....	42
3.4.1.1 Temu Bual	42
3.4.2 Pengumpulan Data Sekunder	46
3.4.2.1 Kaedah Perpustakaan	46
3.4.2.2 Kaedah Akses Internet	47
3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA.....	47
3.6 PROSEDUR MENGANALISIS DATA	49
3.7 KESIMPULAN	51
BAB 4	52
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....	52
4.1 PENGENALAN.....	52
4.2 LATAR BELAKANG INFORMAN	52

4.3 LATAR BELAKANG ORGANISASI	54
4.4 DAPATAN KAJIAN	55
4.4.1 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pekerja B40 Di Kedai Pakaian KESANA, Beluran Semasa Pandemik COVID-19	55
4.4.1.1 Pemotongan Gaji	55
4.4.1.2 Pemberian Cuti Tanpa Gaji	60
4.4.1.3 Perubahan Amalan Budaya Kerja.....	64
4.4.2 Respon Pekerja B40 Di Kedai Pakaian KESANA, Beluran Terhadap Cabaran Yang Dihadapi Semasa Pandemik COVID-19.....	68
4.4.2.1 Memenuhi Tuntutan Pekerjaan	69
4.4.2.2 Masa Bekerja Dikurangkan.....	71
4.4.2.3 Peningkatan Beban Kerja	73
4.4.2.4 Wujud Kebimbangan Terhadap Jangkitan COVID-19	74
4.5 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	77
4.5.1 Dapatan Kajian Objektif Pertama	77
4.5.2 Dapatan Kajian Objektif Kedua	78
4.6 KESIMPULAN	81
BAB 5	82
KESIMPULAN DAN CADANGAN	82
5.1 PENGENALAN.....	82
5.2 RINGKASAN KAJIAN	82
5.3 RINGKASAN SETIAP BAB DALAM KAJIAN.....	83
5.4 SUMBANGAN KAJIAN.....	85

5.5 CADANGAN KAJIAN	86
5.5.1 Cadangan Kepada Organisasi	86
5.5.2 Cadangan Kepada Pihak Pekerja.....	86
5.5.3 Cadangan Kepada Pihak Yang Bertanggungjawab	87
5.6 LIMITASI KAJIAN	87
5.6.1 Sampel Kajian	87
5.6.2 Skop Kajian	88
5.6.3 Kaedah Kajian	88
5.7 KEPENTINGAN KAJIAN	88
5.7.1 Kepentingan Kepada Aspek Praktikal	88
5.7.2 Kepentingan Kepada Aspek Akademik.....	89
5.7.3 Kepentingan Kepada Kajian Akan Datang	89
5.8 KESIMPULAN	90
RUJUKAN	91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.1 PENDAHULUAN

Tahun 2019 merupakan tahun yang sangat mencabar di mana sekali lagi dunia dikejutkan dengan kehadiran wabak penyakit berjangkit iaitu Coronavirus (COVID-19) yang secara langsung telah memberi impak yang sangat besar kepada seluruh dunia termasuklah Malaysia. Dalam konteks ini, pandemik Covid-19 yang melanda sememangnya tidak dapat dinafikan telah menyebabkan kelumpuhan ekonomi dunia di mana ia sekaligus telah menyebabkan perubahan yang drastik terhadap kehidupan masyarakat dan dunia pekerjaan dalam pelbagai sektor. Seajar dengan itu, langkah-langkah untuk mencegah penularan wabak Covid-19 ini yang diaplikasikan oleh sebahagian besar kerajaan di dunia dilihat turut mengakibatkan berlakunya krisis ekonomi global. Buktinya, berdasarkan kepada pernyataan Robert et,al (2020) menyatakan bahawa wabak COVID-19 sememangnya telah mempengaruhi dan memberi impak yang sangat besar kepada seluruh dunia terutamanya terhadap ekonomi global. Pernyataan ini kemudiannya disokong oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labor Organization, 2020) melaporkan bahawa pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan krisis ekonomi global seterusnya meningkatkan kadar pengangguran di seluruh dunia termasuklah Malaysia.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 semasa pandemik berlaku dan ingin mengetahui bagaimana respon pekerja golongan B40 di kedai pakaian (KESANA), Beluran dalam mendepani cabaran khususnya semasa PKP 1.0 dikuatkuasakan. Seperti yang kita sedia maklum bahawa terdapat beberapa

sektor penting yang sememangnya terjejas teruk seperti sektor pelancongan, perhotelan dan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sejar dengan itu, hal ini secara langsung mengakibatkan berlakunya perubahan ke atas aspek kualiti hidup khususnya dari sudut tingkat pendapatan golongan pekerja B40. Justeru itu, kajian ini penting dijalankan agar masyarakat dapat mengetahui berkaitan cabaran yang dihadapi oleh golongan pekerja B40 di kedai pakaian (KESANA), Beluran sejak PKP 1.0 dilaksanakan dan pastinya ia memberi kesan secara langsung.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada tahun 2019, sekali lagi dunia dikejutkan dengan penularan wabak penyakit berjangkit yang kian melanda seluruh negara. Wabak penyakit berjangkit ini dikenali sebagai Novel Coronavirus atau pun COVID-19. Hal ini dikatakan demikian kerana pada Disember 2019, negara China telah melaporkan bahawa wabak tersebut merupakan satu bentuk radang paru-paru secara langsung telah menjadi kebimbangan antarabangsa. Berdasarkan kenyataan World Health Organization WHO (2020), wabak COVID-19 yang berpunca daripada virus corona sindrom pernafasan teruk 2 atau dalam erti kata lain (SARS-CoV-2) telah menular secara global bermula pada Disember 2019. Dalam konteks ini, wabak ini mula dikenalpasti berpunca daripada pasar makanan laut di Wuhan, China seterusnya menyebabkan pasar tersebut ditutup serta merta.

Penularan Covid-19 yang melanda seluruh dunia ini termasuklah Malaysia di mana kes jangkitan yang pertama mula dikenalpasti sejak 25 Januari 2020. Sehubungan dengan itu, daripada 32 juta orang jumlah penduduk, Malaysia telah merekodkan sebanyak 6002 kes jangkitan Covid-19 dengan mencatatkan kes kematian iaitu 102. Peningkatan kes jangkitan dan kematian secara langsung menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan bahawa wabak Covid-19 menjadi pandemik global pada 11 Mac 2020 yang lepas. Kesannya, Malaysia turut terkesan akibat daripada pandemik Covid-19 di mana

ianya dapat dilihat dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Tidak dinafikan bahawa Malaysia turut menerima tempas yang sama seperti yang dialami oleh negara-negara lain iaitu berkaitan dengan krisis ekonomi. Kewujudan pandemik COVID-19 di Malaysia telah memberikan tamparan yang hebat terhadap kerajaan di mana impak yang dihadapi ini bukan sahaja melibatkan masalah kesihatan atau nyawa yang terkorban malah turut menjejaskan aktiviti seharian masyarakat serta berlakunya keruntuhan ekonomi dalam skala yang amat besar.

Sehubungan dengan itu, ekoran daripada penularan wabak penyakit COVID-19 yang kian membimbangkan, Perdana Menteri Malaysia ke-8 iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melaksanakan beberapa perintah berkurung sejak Mac 2020 yang lepas. Ancaman penularan COVID-19 telah memaksa seluruh dunia termasuklah Malaysia untuk melaksanakan pelbagai perintah seperti perintah berkurung (lockdown) bagi tempoh masa yang ditetapkan bertujuan untuk memutuskan rantai pandemik COVID-19 (Che Omar, 2020). Dalam hal ini, Malaysia merupakan antara salah satu negara yang terjejas ekoran daripada tindakan pencegahan yang diambil. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 yang lepas. Perintah kawalan pergerakan ini dilaksanakan selaras dengan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 & Akta Polis 1967. Bukan itu sahaja, Malaysia turut berhadapan dengan beberapa bentuk kawalan pergerakan mengikut peringkat sehinggalah memasuki fasa pemulihan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan juga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Selaras dengan itu, PKP yang dilaksanakan ini adalah secara menyeluruh dimana ia merangkumi sepenuhnya larangan atau sekatan pergerakan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini telah menyebabkan segala urusan dan aktiviti seharian masyarakat terjejas di mana pergerakan menjadi terbatas buat sementara waktu ekoran daripada arahan yang terkandung dalam PKP tersebut. Keadaan ini secara langsung telah mengakibatkan kerugian yang amat besar untuk ditanggung oleh

kebanyakan organisasi yang terjejas sehingga mempengaruhi pekerja serta struktur organisasi itu sendiri.

Berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara langsung mengakibatkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti kedai-kedai pakaian terpaksa menutup operasi serta merta. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Dr Saifuzzaman Ibrahim (2020), pelaksanaan PKP secara langsung memberi cabaran dan impak yang sangat besar bukan sahaja kepada sektor-sektor formal di Malaysia malah sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) turut menerima tempias yang sama. Buktinya, banyak sektor-sektor perniagaan yang terjejas teruk ekoran daripada kurang permintaan dan juga kesukaran untuk mendapatkan sumber khususnya dalam kos pengeluaran (Berita Harian, 2020). Sehubungan dengan itu, hal ini secara langsung telah menyebabkan berlakunya perubahan polisi sebahagian daripada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti menamatkan tempoh perkhidmatan dan mengurangkan kadar upah minimum pekerja semasa PKP 1.0 dikuatkuasakan.

Pandemik COVID-19 sememangnya telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan seharian manusia termasuklah dunia pekerjaan. Penularan wabak ini turut memberi impak negatif kepada sektor ekonomi terutamanya golongan berpendapatan rendah B40 (Zuriani Abhrim, 2022). Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), menyatakan bahawa isi rumah di Malaysia dibahagikan kepada 3 kumpulan pendapatan iaitu Top 20% (T20), Middle 40% (M40) dan juga Bottom 40% (B40). Ekoran daripada pelaksanaan PKP menyebabkan banyak sektor ekonomi mengalami kemerosotan dan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh hampir semua sektor perniagaan terpaksa menutup operasi buat sementara waktu. Hal ini secara langsung memberikan kesukaran kepada golongan isi rumah dan mempengaruhi kesejahteraan hidup terutamanya golongan berpendapatan rendah B40 (Zaleha Muda, 2022). Pernyataan ini kemudiannya disokong berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), mendapati bahawa kadar pemberhentian kerja dan pengangguran mengalami peningkatan drastik

disebabkan oleh majikan mengalami kerugian teruk dan tidak dapat beroperasi semasa pandemik COVID-19. Kebanyakan organisasi gagal menemukan jalan penyelesaian untuk menyelamatkan perniagaan dan secara langsung telah menyebabkan para pekerja menjadi mangsa keadaan dalam berdepan dengan cabaran dunia pekerjaan semasa pandemik COVID-19. Justeru itu, kewujudan pandemik COVID-19 ini telah mendatangkan pelbagai impak negatif bukan sahaja terhadap kesihatan manusia namun melibatkan situasi ekonomi negara, aktiviti seharian dan juga sektor pekerjaan masa kini.

Menerusi kenyataan Junaid et al (2021), badai pandemik COVID-19 di Malaysia telah mewujudkan suatu norma baharu (new norm) dalam pelbagai sektor ekonomi negara. Krisis pandemik yang berlaku telah membawa kepada perubahan yang meluas dalam pelbagai sektor dan aktiviti harian masyarakat (Neela Edelmann et.al, 2021). Perubahan ini merangkumi amalan kerja baharu yang perlu diadaptasi oleh sesebuah organisasi sesuai dengan situasi semasa iaitu pandemik COVID-19. Pernyataan ini disokong oleh pernyataan daripada Kresna Chandra Putra (2020), menyatakan bahawa setiap organisasi disarankan untuk melakukan peraturan dalam sistem pekerjaan iaitu dengan cara membatasi jumlah pekerja yang hadir untuk bekerja secara bersemuka di tempat kerja. Dalam konteks ini, hampir keseluruhan sektor ekonomi terpaksa menutup operasi kecuali sektor yang penting dan bersesuaian dengan situasi pandemik seperti sektor kesihatan awam, sektor keselamatan dan yang melibatkan aktiviti perniagaan yang menjual barang keperluan asas harian sahaja. Krisis wabak COVID-19 ini dilihat membawa musibah yang lebih teruk kepada ekonomi negara berbanding dengan krisis-krisis dalam tempoh dua dekad yang lalu iaitu apabila negara Malaysia telah mengalami krisis kewangan Asia pada tahun 1997, kelembapan ekonomi global selepas peristiwa 11 September pada tahun 2001 dan juga krisis kewangan pada tahun 2008.

Oleh hal yang demikian, jelaslah disini bahawa isu dan permasalahan yang timbul telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai cabaran dan respon pekerja golongan B40 di kedai pakaian (KESANA), Beluran dalam mendepani pandemik COVID-19.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh dunia sememangnya telah memberi impak yang sangat besar kepada dunia pekerjaan termasuklah sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang khususnya melibatkan golongan pekerja B40 (Saari, 2020). Buktinya, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan terdapat beberapa sektor yang terjejas teruk ekoran daripada pandemik COVID-19 iaitu sektor perhotelan, pengangkutan, pelancongan, pembinaan dan peruncitan. Namun begitu, apakah cabaran yang dihadapi oleh golongan pekerja B40 di kedai pakaian (KESANA), Beluran semasa pandemik COVID-19.

Menurut Halim (2020), menyatakan bahawa kekangan dari segi masa dan kewangan menyebabkan sebahagian besar daripada pengusaha sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terpaksa menjimatkan kos dan tidak mengupah pekerja semasa pandemik covid-19. Pernyataan oleh Halim (2020) ini kemudiannya disokong oleh Azizul Julihirin (2020) di mana beliau menyatakan bahawa aktiviti perniagaan tidak dapat beroperasi seperti sediakala ekoran daripada kekangan waktu beroperasi yang terhad semasa tempoh PKP dilaksanakan di Malaysia. Seजार dengan itu, keadaan ini sememangnya telah menyebabkan kesukaran pihak pengurus untuk membayar upah minimum pekerja seterusnya menyebabkan berlakunya pemecatan pekerja dan diberi cuti tanpa gaji (Berita Harian Online, 2020).

Seterusnya, berdasarkan kepada kajian Muhammad Hassan Din Mohd Tarip et.al (2020) bertajuk Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Golongan B40 (The Impacts of COVID-19 Pandemic towards The B40's) menjelaskan berkaitan dengan impak pandemik ke atas sosio-ekonomi golongan B40, jenis bantuan kerajaan yang diterima dan juga impak bantuan tersebut terhadap golongan B40 yang terjejas teruk sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia sejak tahun 2020 yang lepas. Hasil kajian ini menunjukkan keadaan sosio-ekonomi golongan B40 amat terkesan ekoran daripada pandemik yang disebabkan oleh penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19.

Selain itu, menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Malaysian Institute of Economic Research (2020), penyelidik terdahulu menjangkakan keadaan yang amat buruk berlaku terutamanya melibatkan sumber pendapatan golongan B40 iaitu seramai 2.4 juta orang bakal kehilangan pekerjaan. Keadaan ini secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pengangguran. Hal ini secara langsung telah menyebabkan apabila pihak majikan kehilangan sumber pendapatan sehingga gagal atau tidak berupaya membayar gaji pekerja seterusnya menjadikan isu ini sebagai satu kesan berantai.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Muhammad Hassan Din Mohd Tarip & Mohamad Murtadha Said (2021), susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun secara dasarnya ia bertujuan untuk mengekang penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19 namun hal ini turut mendatangkan impak yang mendalam terhadap golongan B40 disebabkan oleh golongan ini merupakan salah satu golongan yang amat terkesan ekoran daripada sumber pendapatan mereka terjejas teruk atas sebab diberhentikan kerja, diberikan cuti tanpa gaji dan tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP (Mokhtar, 2020).

Pernyataan ini kemudiannya disokong oleh Chamhuri Siwar et.al (2019), menyatakan bahawa golongan berpendapatan rendah B40 merupakan golongan yang sering menghadapi cabaran sukar khususnya dalam aspek ekonomi, sosial dan juga alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan B40 yang tinggal di bandar amat terkesan dengan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana banyak sektor perniagaan terpaksa ditutup dan diberhentikan kerja atau perkhidmatan. Hakikatnya, golongan berpendapatan rendah B40 terhimpit dengan cabaran ini.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (2020), mendapati bahawa sekitar 47% daripada jumlah keseluruhan responden yang di temu bual merupakan golongan yang terjejas teruk disebabkan oleh penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya melibatkan aliran tunai. Buktinya,

kebanyakan responden merupakan golongan B40 yang secara umumnya baharu sahaja ingin menceburi bidang perniagaan dan sektor pekerjaan yang sedia ada di dalam pasaran.

Keadaan dunia masa kini yang berdepan dengan situasi yang tidak menentu disebabkan oleh pandemik Covid-19 bukan sahaja telah menimbulkan tekanan terhadap perubahan budaya kerja tetapi juga dilihat turut mendorong kepada pelbagai reaksi pekerja (Spicer, A. 2020). Peningkatan jumlah kes jangkitan COVID-19 turut menyumbang kepada berlakunya perubahan terhadap budaya kerja dalam sesebuah organisasi (Dwi Putranti et.al, 2020). Hal ini dikatakan kerana berdasarkan kepada pernyataan Alvaro Lopez & Angelo Genisi (2021), penularan wabak COVID-19 secara global ini telah mengakibatkan berlakunya perubahan mendadak terhadap budaya kerja dan sekali gus telah mencabar konsep tradisional mengenai hubungan pekerjaan dalam organisasi.

Sehubungan dengan itu, perubahan budaya kerja ini semestinya telah menimbulkan pelbagai persepsi atau respon yang berbeza terhadap norma baharu yang diterapkan dalam dunia pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap penerimaan sebahagian daripada pekerja yang bekerja semasa pandemik Covid-19 adalah memilih untuk bekerja secara bersemuka berbanding dengan bekerja secara maya selepas mengambil kira kekangan yang dihadapi seperti persekitaran rumah dan capaian internet yang kurang baik (Stephen Philips, 2020). Justeru itu, perubahan budaya kerja baharu yang berlaku sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini dilihat berupaya untuk mewujudkan peluang yang unik bagi meneroka perbezaan cabaran yang ditempuh oleh pekerja B40.

Menurut Linda Colley & Sue Williamson (2020), antara respon pekerja B40 terhadap cabaran bekerja semasa pandemik COVID-19 adalah tidak semua pekerja bersetuju untuk bekerja dari rumah (work from home). Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi kajian beliau mendapati bahawa salah satu keperluan dan kesesuaian pekerjaan dipengaruhi oleh sebab-sebab peribadi yang merangkumi aspek keselesaan, kemudahan yang lengkap dan persekitaran kerja

yang kondusif. Walaupun keadaan pandemik ini sememangnya mempunyai risiko yang amat besar untuk dihadapi oleh pekerja yang bekerja secara bersemuka namun secara rasionalnya ia turut mendatangkan kelebihan tersendiri mengikut tahap penerimaan seseorang pekerja mengenai isu ini. Selaras dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Mithilesh Kumar Singh & Dr. Vijay Kumar (2021), berkaitan dengan impak pandemik COVID-19 terhadap para pekerja menyatakan bahawa sebahagian daripada pekerja lebih memilih untuk bekerja secara fizikal atau bersemuka berbanding dengan bekerja secara atas talian (online) di rumah. Dalam konteks ini, para pekerja tersebut berpendapat bahawa bekerja secara bersemuka merupakan salah satu cara kerja yang berkesan di mana mereka boleh berinteraksi secara fizikal bersama dengan pelanggan dan kakitangan syarikat, dapat menjalinkan kerjasama yang baik dengan sesama ahli organisasi, waktu kerja yang seimbang dan menikmati suasana kerja yang harmoni di tempat kerja serta berupaya seimbangkan antara dua aspek iaitu kehidupan dan pekerja (work-life balance).

Selain itu, berbeza dengan respon yang diberikan menerusi kajian yang dijalankan oleh Abd. Rahman et.al (2021), mengenai perspektif pihak majikan terhadap kehadiran para pekerja di tempat kerja sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian daripada para pekerja tersebut telah mengemukakan rasional mereka yang lebih memilih untuk bekerja dari rumah sahaja disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti wajib memakai pelitup muka sepanjang waktu bekerja, keadaan persekitaran kerja yang berisiko tinggi untuk dijangkiti wabak COVID-19, kesukaran untuk seimbangkan kehidupan-pekerjaan serta peningkatan beban kerja disebabkan rakan sekerja dijangkiti sehingga terpaksa mengambil cuti untuk kuarantin selama 14 hari. Pernyataan ini kemudiannya disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Teresa Chirkowska-Smolak (2021), mendapati bahawa kebanyakan pekerja menyatakan bahawa selain daripada bimbang akan risiko jangkitan wabak COVID-19 di tempat kerja, pekerja juga berhadapan dengan isu pekerjaan seperti keadaan pekerjaan yang tidak menentu, pembangunan pekerjaan yang terhad dan berlakunya gangguan emosi menyebabkan para pekerja tersebut lebih memilih

untuk bekerja secara atas talian sahaja memandangkan sesetengah organisasi turut mengamalkan budaya kerja baharu dengan mengaplikasikan platform atas talian seperti Google Meet, Zoom dan Webex sebagai medium utama untuk berkomunikasi dan melaksanakan urusan pekerjaan. Oleh hal yang demikian, jelaslah disini bahawa pekerja yang bekerja secara bersemuka atau fizikal sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini mengalami pengalaman yang berbeza sehingga menimbulkan pelbagai respon dalam kalangan pekerja.

Cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan timbulnya pelbagai respon yang diberikan oleh para pekerja terutamanya mengenai penerimaan terhadap amalan cara kerja baharu yang dijalankan secara fizikal mahu pun secara maya. Menurut Jo Yun Li et.al (2021), perubahan dalam organisasi yang tidak dirancang berlaku susulan daripada penularan wabak COVID-19 ini secara langsung telah menimbulkan pelbagai isu yang membawa kepada persoalan dan ketidakpastian seterusnya memberi impak yang besar terhadap hubungan antara dua pihak iaitu organisasi dan juga pekerja.

Hal ini secara tidak langsung telah menimbulkan persoalan isu berkaitan apakah respon-respon yang diberikan oleh pekerja B40 terhadap cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah senarai isu yang timbul khususnya daripada permasalahan kajian dan dikemukakan dalam bentuk soalan seterusnya dijadikan sebagai panduan dalam membentuk objektif kajian. Dalam kajian ini, terdapat 2 persoalan kajian yang timbul iaitu:

1. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran?
2. Apakah respon yang diberikan oleh pekerja golongan B40 terhadap cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu:

1.5.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini ingin mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 yang bekerja secara fizikal semasa pandemik COVID-19. Kajian ini juga ingin mengesan respon-respon yang diberikan oleh pekerja golongan B40 yang bekerja secara fizikal terhadap cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran.

1.5.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran.
2. Mengenal pasti respon pekerja golongan B40 terhadap cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 di kedai pakaian KESANA, Beluran.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian merupakan inti pati penting yang terdapat dalam objektif khusus sesebuah kajian. Dalam konteks ini, terdapat beberapa kepentingan kajian yang digariskan oleh pengkaji terhadap kajian yang dijalankan.

1.6.1 Kepentingan Dari Aspek Praktikal

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah sebagai salah satu langkah untuk merungkai permasalahan yang timbul atau berlaku terhadap pekerja golongan B40 (the bottom 40%). Dalam konteks ini, hal ini secara langsung akan mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih terperinci mengenai cabaran dan bagaimana pekerja golongan b40 dapat mengharungi cabaran tersebut semasa pandemik COVID-19. Justeru itu, kajian ini sangat penting untuk dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas mengenai cabaran dan respon pekerja golongan B40 dalam mendepani situasi pandemik Covid-19 di kedai pakaian (KESANA), Beluran semasa PKP 1.0 dilaksanakan.

Selain itu, kajian ini sangat penting bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 semasa pandemik COVID-19. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak dinafikan bahawa terdapat masyarakat yang kurang mengetahui khususnya mengenai cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan B40 seperti pemotongan gaji dan

sebagainya. Di samping itu, kajian ini juga dapat mendedahkan maklumat berkaitan bagaimana pekerja golongan B40 di kedai pakaian (KESANA), Beluran dapat bertahan semasa era pandemik COVID-19.

Seterusnya, kepentingan kajian ini juga adalah pihak majikan dapat didedahkan dengan tahap penerimaan pekerja terhadap amalan kerja baharu yang diterapkan dalam organisasi sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam pada situasi negara yang berdepan dengan ancaman penularan wabak COVID-19 pekerja merupakan salah satu daripada golongan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti wabak ini susulan daripada melaksanakan tanggungjawab mereka di tempat kerja. Situasi ini secara langsung melibatkan peranan dan tanggungjawab pihak majikan untuk memastikan kebajikan pekerja dari pelbagai aspek perlu dijaga selari dengan tuntutan pekerjaan dan situasi semasa. Berdasarkan kepada pernyataan Mukhari et.al (2017), pihak majikan bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan pekerja yang secara dasarnya merangkumi aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bertujuan untuk memastikan kesejahteraan pekerja serta mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan selamat. Dalam konteks ini, kepekaan terhadap isu ini perlu ditekankan dalam kalangan pihak majikan bagi memastikan isu ini dapat diatasi dalam kadar yang segera. Sehubungan dengan itu, tindakan pihak majikan untuk mengenal pasti akan isu yang timbul di organisasi adalah melalui mengumpul maklumat berkaitan dengan pendapat dan pandangan para pekerja terutamanya mengenai isu pekerjaan di tempat kerja. Justeru itu, melalui kajian ini membolehkan pihak majikan dalam sesebuah organisasi memperoleh maklumat berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pekerja golongan berpendapatan rendah B40 yang bekerja secara bersemuka di tempat kerja semasa pandemik COVID-19.

Di samping itu, kajian ini turut berupaya untuk membantu pihak pengurusan sesebuah organisasi untuk melakukan penambahbaikan yang efektif dan bersesuaian dengan keperluan pekerja dan situasi semasa di tempat kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan budaya kerja baharu yang dilaksanakan ini merupakan suatu perkara yang asing bagi para pekerja di tempat kerja.

Kedadaan ini secara langsung mendatangkan impak yang besar terutamanya berkaitan tahap penerimaan para pekerja untuk beradaptasi dengan budaya kerja baharu ekoran daripada hampir keseluruhan sektor ekonomi mengalami perubahan drastik sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Berdasarkan kepada laporan APQC (American Productivity & Quality Center) dalam kajian Jo Yun Li et.al (2021), sesebuah organisasi perlu mengadaptasi dengan situasi pekerjaan masa kini dengan cara menambah baik fungsi luaran dan dalaman (internal & external) bagi mencapai kesejahteraan bersama dalam jangka masa panjang. Kerjasama yang baik terjalin dengan semua ahli dalam organisasi untuk berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 ini merupakan suatu perkara yang amat penting bagi memastikan segala permasalahan atau isu yang timbul dapat diatasi dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, organisasi bertanggungjawab dalam menyampaikan segala maklumat tentang perubahan yang berlaku semasa pandemik COVID-19 dan menggalakkan penglibatan serta penyertaan pekerja untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan. Dalam konteks ini, kaedah ini merupakan salah satu langkah yang membolehkan para pekerja lebih proaktif dan bersedia untuk menghadapi cabaran atau isu pekerjaan yang timbul di tempat kerja. Justeru itu, perkara ini secara langsung menunjukkan bahawa semua pihak yang terlibat iaitu pihak pengurusan, majikan dan pekerja mempunyai tanggungjawab serta memainkan peranan masing-masing dalam meneliti dan menyelesaikan isu pekerjaan yang timbul semasa pandemik COVID-19. Menerusi kajian ini, pengkaji dapat membantu organisasi untuk memperbaiki kelemahan dan menyelesaikan isu yang timbul ekoran daripada cabaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah B40 semasa pandemik COVID-19 melalui maklumat yang diperolehi semasa menjalankan kajian ini.

Di samping itu, melalui kajian ini juga pekerja dapat menyuarakan pendapat atau pandangan berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi semasa bekerja pada era pandemik COVID-19. Umum mengetahui bahawa situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia sehingga memberi impak pandemik kepada sektor ekonomi ini jelas menimbulkan kebimbangan para pekerja

terutamanya dalam konteks mencegah diri sendiri untuk tidak dijangkiti wabak yang secara dasarnya akan menjejaskan keselamatan dan kesihatan para pekerja yang bekerja secara bersemuka di tempat kerja. Buktinya, menurut kenyataan Jo-Yun Li et.al (2021) menyatakan bahawa pekerja merupakan individu yang terkesan teruk semasa berhadapan dengan cabaran bekerja semasa pandemik COVID-19 di mana perkara ini secara langsung telah mengancam eksistensi yang memaksa pihak organisasi untuk melakukan perubahan dalam operasi bertujuan untuk mengadaptasi situasi kerja baharu di samping memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja berada dalam tahap yang baik serta terjamin.

1.6.2 Kepentingan Dari Aspek Akademik

Kajian ini penting dijalankan agar dapat menyumbang ilmu pengetahuan yang baharu khususnya dalam bidang ilmu hubungan industri. Dalam konteks ini, hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji secara langsung dapat membantu pengkaji akan datang untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai pekerja golongan B40 yang terjejas semasa PKP 1.0 dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini akan dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji di masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan datang dapat merujuk kajian ini sebagai sorotan karya lepas. Kajian ini juga dapat membantu ahli-ahli akademik yang lain untuk memahami dengan lebih terperinci berkaitan konsep sesuatu teori yang digunakan dalam kajian ini.